



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA PERLUAS PELUANG USAHAWAN MELALUI PELESENAN KOPIESATU, OUTLET DATARAN SENAWANG DIBUKA

SEREMBAN, 29 Januari 2026 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus memperkukuh agenda pemerkasaan usahawan tempatan melalui pelaksanaan model pelesenan Kopiesatu dengan pembukaan Outlet Kopiesatu Dataran Senawang, Negeri Sembilan yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Hj. Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Outlet Kopiesatu Dataran Senawang merupakan antara outlet Kopiesatu yang beroperasi di bawah model perniagaan secara pelesenan, iaitu satu inisiatif strategik FAMA bagi menyediakan platform pemasaran dan peluang keusahawanan khususnya dalam sektor makanan dan minuman (F&B) berasaskan kopi tempatan.

Model pelesenan Kopiesatu yang ditawarkan oleh FAMA merangkumi sokongan menyeluruh kepada usahawan meliputi aspek pentadbiran, kursus dan latihan, penggunaan perisian sistem jualan (POS), set uniform rasmi, promosi dan hebahan, pemantauan operasi serta kos-kos berkaitan lain. Pendekatan ini bertujuan memastikan setiap outlet Kopiesatu beroperasi mengikut standard kualiti dan identiti jenama yang ditetapkan.

Menurut Pengerusi FAMA, YBrs. Tn. Hj. Aminuddin bin Zulkipli pelesenan Kopiesatu turut menyediakan beberapa pakej perniagaan antaranya Pakej Kiosk, Pakej Food Truck (baharu dan sedia ada) serta Pakej Push Cart, sekali gus memberi fleksibiliti kepada usahawan mengikut kesesuaian lokasi dan kapasiti perniagaan.

Pembukaan Outlet Kopiesatu Dataran Senawang ini mencerminkan komitmen FAMA dalam memperluas rangkaian pemasaran produk kopi tempatan serta menyokong pertumbuhan usahawan di peringkat komuniti. Outlet ini mula beroperasi pada 1 Januari 2026 dan telah menunjukkan penerimaan positif masyarakat terhadap jenama Kopiesatu.

Sehingga kini, FAMA telah membangunkan sebanyak 23 outlet Kopiesatu di seluruh negara, melibatkan operasi di bawah seliaan FAMA serta melalui pelesenan kepada usahawan. Di Negeri Sembilan, Kopiesatu kini mempunyai empat (4) outlet, termasuk outlet terbaharu di Dataran Senawang, sekali gus mengukuhkan kehadiran jenama ini di negeri berkenaan.

FAMA akan terus memperluas pelaksanaan pelesenan Kopiesatu sebagai saluran pemasaran berimpak tinggi bagi produk kopi tempatan, di samping membantu melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing dan mampan.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
28 JANUARI 2026**